

Guru umpama ibu bapa

UB 03 10 2012 B4



MINDA PENDIDIK

Roslee Talip

Bersama Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Abdul Said
Ambotang, Shukri Zain dan Muhamad
Suhaimi Taat

UNGKAPAN 'bayi yang lahir umpama sehelai kain putih dan ibu bapa bertanggungjawab mewarnainya' seringkali digunakan oleh dalam membentuk sahsiah anak. Dalam era serba mencabar ini, tidak

keterlaluan jika dikatakan bahawa peranan yang sama juga turut terletak di bahu setiap pendidik. Mahu tidak mahu setiap individu yang bergelar pendidik perlu memiliki ciri-ciri kecemerlangan, ketahanan fizikal dan mental yang utuh.

Ini tidak termasuk dengan pengorbanan masa guru menjalankan aktiviti pengembangan bakat dan potensi pelajar melalui pengendalian kejohanan sukan, syarahan, karnival pendidikan di peringkat sekolah sehinggalah kebangsaan. Segalanya demi ingin melihat modal insan yang dilahirkan seimbang dari segi ilmu, kemahiran dan sikap yang positif serta potensi yang mampu melonjak kecemerlangan diri. Pengorbanan tersebut menuntut komitmen masa, wang ringgit dan tenaga yang tidak ternilai di samping tidak meminggirkan tugas asasi mereka di bilik darjah.

Ketika berada di sekolah, merekalah ibu dan bapa kepada anak-anak kita. Mengajar, mengendalikan aktiviti, membawa pelajar menyertai aktiviti kokurikulum ke sekolah berhampiran malah menghantar pelajar ke klinik apabila berhadapan dengan saat-saat kecemasan. Begitulah erti keprihatinan seorang guru. Apalagi berhadapan dengan seribu satu karenah anak murid yang kini tampil dengan pelbagai keadaan. Isu-isu disiplin dan salah laku pelajar seperti buli umpamanya membuatkan guru kini lebih tertekan dan sentiasa menghadapi risiko kecederaan murid akibat amarah remaja yang tidak ketentuan. Mampukah guru untuk memperhatikan setiap perlakuan anak-anak kita bagi setiap saat dan detik?

Pendidik yang cemerlang akan meletakkan agenda penambahbaikan berterusan dalam kamus hidup dan rutin kerja hariannya tanpa perasaan jemu dan berputus asa. Pendidikan sejak dahulu, kini mahupun akan datang akan mempersiapkan anak bangsa dengan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengisian sahsiah dalam meneruskan kegemilangan negara. Ini bermakna pendidikan tidak pernah gagal dalam menzahirkan falsafah dan matlamatnya. Namun demikian, adakah perkara yang sama berlaku pada setiap insan pendidik yang bergelar guru. Dalam banyak keadaan, guru ada kalanya berada di puncak prestasi dan ada kalanya berada di bawah. Guru juga manusia biasa yang tidak lari daripada pelbagai kekhilafan dalam melaksanakan amanah dan profesion yang mulia ini.

Ketahanan fizikal dan mental guru ada kalanya diuji dengan pelbagai cabaran yang sentiasa menandatangani. Efikasi, psikologi, sikap, komitmen dan fokus guru adalah beberapa aspek yang seringkali diuji. Tanggungjawab guru bukannya semudah yang disangkakan dalam era moden ini. Apatah lagi jika berlaku kesilapan maka profesion dan martabat keguruan akan mendapat tempias dan kritikan yang hebat. Guru era milenium bukan sahaja menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan akademik pelajar tetapi juga mengurus keseluruhan sumber manusia dan sistem pendidikan itu sendiri. Justeru itu beban tugas yang dipikul oleh setiap guru harus dibanggakan dan yang paling penting sentiasa mendapat sokongan rakan sekerja, kepimpinan sekolah serta lebih-lebih lagi sokongan masyarakat secara keseluruhannya. Kajian-kajian di Malaysia khususnya telah mendapati bahawa kecemerlangan dan ketahanan guru-guru adalah hasil daripada suntikan moral atau sokongan padu yang berterusan dalam melestarikan kecemerlangan sekolah.

Insan yang bergelar guru atau pendidik di sanubarinya subur dengan aspirasi ke arah mewarnai profesion keguruan tanpa mengira faktor ruang dan masa. Di mana sahaja pendidik ditempatkan mereka membawa satu misi dan amanah yang berat. Kejayaan pendidik masa kini bukan lagi secara mutlak ditentukan melalui indikator seramai mana pelajar yang cemerlang dalam akademik boleh dilahirkan tetapi juga turut dinilai menerusi sejauh mana mereka mampu menzahirkan pelajar yang mantap sahsiah dan berdaya saing dalam dunia sebenar. Justeru itu modal insan yang dibentuk atau bakal dibentuk perlu mendapat sentuhan daripada guru dan sentuhan tersebut hanya mampu dilakukan oleh guru yang cemerlang dalam semua elemen yang dinyatakan sebelum ini.

Warna profesion keguruan adalah cerminan wajah pendidik masa kini. Untuk meneruskan legasi pendidik sebelum ini, guru perlu bersikap inovatif dan perlu berani dalam memperkenalkan idea-idea baru dalam konteks penambahbaikan amalan pengajaran dan pembentukan sahsiah pelajar. Tugas ini bukan semudah yang disangkakan kerana guru perlu dalam masa yang sama menangani dengan bijaksana dan membuat tindakan secara berhikmah terhadap pelajar yang dilahirkan dalam acuan pemodenan dan globalisasi. Keterbatasan idea dan kekangan pelbagai pihak akan membantutkan usaha guru dalam menambahbaik amalan sedia ada. Sokongan moral umpamanya merupakan suatu yang mampu memberikan impak besar dan ada kalanya tidak memerlukan modal sedikitpun.

Jangan berhenti dan mudah berputus asa dalam membentuk watak pendidik dan anak didik. Usah terlalu berkira dan terus berkorban demi kemuliaan profesion yang diamanahkan. Sesungguhnya profesion keguruan perlu terus segar demi mengangkasakan pendidikan, memperkasakan pendidik dan memartabatkan institusi sekolah sebagai pusat kecemerlangan dan pembinaan modal insan negara yang utama. Namun, walau apapun usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memartabatkan profesion keguruan, individu insan gurulah terlebih dahulu yang harus melonjakkan dirinya menuju ke arah kecemerlangan. Perancangan perkembangan diri dan kerjaya yang dirancang secara sistematik dan holistik mampu melonjakkan insan guru ke arah kecemerlangan dan kerjaya seterusnya membangun masyarakat menuju ke arah negara yang terbilang.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.